

UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK TAHUN 5 SESI 2025/2026

Bahasa Melayu (011)

1jam 15 minit

NAMA	
KELAS	

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		50	

Bahagian A

[10 Markah]

Soalan 1 hingga 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pokok bunga mawar yang ditanam oleh Puan Hani itu _____ kerana tidak disiram beberapa hari.
A lesu
B layu
C lemah
D longlai

- 2 Pak Cik Tam menggunakan _____ untuk membuat batas.
A gunting
B cangkul
C penukul
D penyapu

- 3 Pilih ayat yang **betul**.
A Kishan mengutamakan keselamatan lalu kebersihan.
B Jauhi tempat kebakaran dengan segera tetapi keselamatan diri.
C Kita boleh membuat panggilan kecemasan jika berlaku kemalangan.
D Siva bangga agar berjaya menjadi pemain bola sepak terbaik di sekolahnya.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada cuti sekolah yang lalu, Siti dan Su Mei mengikuti kelas bimbingan kraf tangan. Kelas ini terbuka kepada murid sekolah rendah dan terhad kepada 25 peserta sahaja. Tiada bayaran dikenakan semasa mengikuti kelas ini. Kelas bimbingan ini dikendalikan oleh Cikgu Lim.

Kelas ini diadakan di Pusat Bimbingan Kreatif Taman Indah Kedah. Kelas bermula dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 1.00 petang.

- 4 Di manakah kelas bimbingan kraf tangan diadakan?
A Pusat Bimbingan Inovatif Taman Indah
B Balai Raya Taman Kreatif
C Pusat Bimbingan Kreatif Taman Indah Kedah
D Pusat Bimbingan Kedah
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
A Kelas bimbingan kraf tangan ini dikenakan bayaran.
B Kelas bimbingan kraf tangan ini berlangsung selama 5 jam.
C Kelas bimbingan kraf tangan diadakan pada hujung minggu.
D Narif yang berumur 15 tahun berlayak menyertai kelas bimbingan.
- 6 Berikut ialah amalan baik Siti dan Su Mei berdasarkan petikan **kecuali**
A rajin
B belajar bersama-sama
C menimba ilmu
D malas

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Bahan 1

BENGKEL STEM KITAR SEMULA
Tarikh : 8 Julai (Sabtu)
Masa : 8:00 pagi -11:00 pagi
Tempat : SJKC Chin Chang
Anjuran: Kelab Alam Sekitar SJKC Chin Chang
Bilangan Peserta : 50 orang

Ayuh, kita meriahkan bengkel STEM kitar semula ini !
Pelbagai *produk* kraf tangan dapat dihasilkan dengan menggunakan bahan kitar semula. Antara bahan tersebut adalah seperti pasu hiasan daripada tayar terpakai, pentas mini daripada meja terpakai, terendak lampu daripada sudu plastik dan banyak lagi .

Bahan 2

Dengan melakukan kitar semula bahan terpakai, kita boleh mengurangkan kadar pembuangan sampah. Kitar semula bermaksud menukar bahan buangan kepada bahan objek baharu. Konsep ini selalunya merangkumi pemulihan tenaga daripada bahan buangan.

Kita dapat melakukan kitar semula dengan menjual surat khabar lama, kertas putih , tin aluminium, kotak dan botol plastik kepada pihak yang bertanggungjawab. Barangan ini dikumpulkan akan dijual kepada kilang yang memproses barangan tersebut.

- 7 Apakah yang dimaksudkan dengan kitar semula?
- A Proses menanam bahan buangan di dalam permulaan bumi.
 - B Proses menukar bahan buangan kepada bahan dan objek baharu.
 - C Proses menukar bahan-bahan dan objek baharu kepada bahan buangan.
 - D Proses membeli bahan buangan lalu dijual semula pada harga yang murah.

8

Kita dapat melakukan kitar semula dengan menjual surat khabar lama, kertas putih, tin aluminium, kotak dan botol plastik kepada pihak yang bertanggungjawab.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A keping
 - B batang
 - C bilah
 - D buah
- 9 Perkataan produk dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A hiasan
 - B hadiah
 - C barang
 - D bahagian
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Sudu plastik terpakai boleh digunakan untuk menghasilkan terendak lampu yang cantik.
 - B Bengkel STEM Kitar Semula ini berlangsung selama satu minggu.
 - C Bengkel STEM Kitar Semula ini dianjurkan oleh Kelab Bahasa Melayu SJKC Chin Chang
 - D Kita dapat melakukan kitar semula dengan membuang surat khabar lama, kertas putih, tin aluminium, kotak dan botol plastik ke dalam tong sampah.

Bahagian B

[10 Markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Negara kita terkenal di kalangan pelancong asing kerana mempunyai banyak pulau yang indah dan menarik. Malaysia mempunyai banyak pulau yang terkenal dengan keindahan alam semula jadinya. Antara pulau sentiasa dikunjungi pelancong dalam negara kita ialah Pulau Redang dan Pulau Perhentian di Terengganu.

Selain pulau tersebut, Malaysia juga terkenal dengan Pulau Sipadan di Sabah, Pulau Pangkor di Perak dan Pulau Tioman di Pahang. Pulau- pulau ini terkenal dengan keindahan batu karang yang berwarna-warni dan pasir pantai yang memutih.

- a) Pulau Redang ialah pulau yang terletak di negeri _____.

[1 markah]

- b) Mengapakah pulau-pulau di Malaysia terkenal di kalangan pelancong ?

[2 markah]

- c) Gariskan satu **kata ganda berentak** yang terdapat dalam ayat diberi.

Pulau- pulau ini terkenal dengan keindahan batu karang yang berwarna-warni dan pasir pantai yang memutih.

[1 markah]

- d) Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

Negara kita terkenal di kalangan pelancong asing kerana mempunyai banyak pulau yang menarik.

Kepelbagaian pulau yang menarik telah menyebabkan negara kita terkenal di kalangan pelancong asing.	
Ramai pelancong asing memilih pulau-pulau yang terkenal di negara kita.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

Panjangnya jawapan kamu **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.

Kamu dan adik sedang berjalan-jalan di pasar malam. Ibu berpesan kamu untuk membeli tiga bungkus nasi lemak. Pada masa yang sama, adik kamu meminta dibelikan air minuman kerana kehausan sedangkan duit kamu hanya cukup untuk membeli tiga bungkus nasi lemak sahaja.

Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang patut kamu lakukan?

[5 markah]

Bahagian C

[10 Markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang cara memupuk semangat kejiiran.

Tuliskan pendapat kamu tentang **cara-cara memupuk semangat kejiiran**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam satu perenggan.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.




[10 markah]

Bahagian D

[20 Markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah **karangan dalam bentuk karangan berformat atau karangan tidak berformat**. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

BERIADAH DI TAMAN



1 Tuliskan cerita berdasarkan gambar di atas.

ATAU

2 Tuliskan catatan berdasarkan gambar di atas.

[illegible]

[20 markah]